

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 24.03.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah SPRM mempunyai pasukan penyiasat khas seperti *special branch* untuk membuat pengintipan terhadap kegiatan rasuah yang buruk di semua peringkat dalam negara atau hanya bergantung kepada laporan sahaja.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM mempunyai struktur Bahagian Perisikan yang menjalankan tugas-tugas *special branch*. Bahagian ini telah ditubuhkan semenjak tahun 1998. Bahagian ini mempunyai kemampuan untuk menjalankan risikan bagi membantu membuktikan kes-kes rasuah.

Sekian, terima kasih